

# Kerja amal tingkatkan kesedaran mahasiswa

► FARID HAMZAH  
farid@sph.com.sg

MELIBATKAN diri dengan kerja amal ternyata meningkatkan kesedaran dan rasa peka Encik Mohamed Syuaib Khan Aowtab terhadap golongan yang memerlukan.

Beliau juga lebih terbuka mendekati mereka yang mengalami tekanan jiwa dan sakit mental.

Kalau dulu beliau tidak yakin mendekati golongan pesakit mental kerana dihantui rasa bimbang akan diserang, kini perasaan itu hilang kerana beliau lebih memahami ciri-ciri golongan seperti itu.

“Sebelum ini saya kurang yakin apabila mendekati mereka kerana menganggap mereka boleh bersikap ganas. Tapi menerusi kerja amal ini saya rasakan perasaan sedemikian tidak berasas.

“Selagi mereka mengamalkan gaya hidup sihat dan makan ubat, perasaan mereka lebih terkawal,” kata pemuda berusia 22 tahun itu.

Penuntut tahun kedua jurusan Pengurusan Perniagaan di Universiti Pengurusan Singapura (SMU) itu antara 300 pelajar SMU yang terlibat dalam projek *starringSMU* di mana mereka membantu meningkatkan kesedaran awam mengenai golongan memerlukan selain mengumpul dana bagi salah sebuah rumah kebajikan itu. Beliau pengarah logistik bagi projek tersebut yang berlangsung baru-baru ini.

Bagi tahun ini, projek itu, yang dimulakan pada 2007, telah memanfaatkan sekitar 5,000 penerima bantuan daripada beberapa pertubuhan setempat.

Ia berakhir dengan satu acara mencuci kereta di Holland Village di mana lebih \$24,500 berjaya dikumpul bagi sebuah lagi pertubuhan setempat yang menggalak integrasi kemasyarakatan dan program kebajikan bagi lebih 20,000 penduduk.

Namun, bukan projek itu sahaja yang dijalankan pelajar SMU dalam



**MANFAATKAN KHIDMAT:** (Dari kiri) Encik Jared Liew Jian Wei, Encik Mohamed Syuaib, Encik Tan Liang Choon dan Encik Ong Bin Koon adalah antara pelajar yang memanfaatkan program khidmat kemasyarakatan anjuran SMU. – Foto ZAINAL YAHYA



**BERKHIDMAT KEPADA YANG TUA DAN MUDA:** Program *Inspirar* memberi peluang pelajar mendekati warga tua daripada beberapa pertubuhan (gambar kanan), manakala kanak-kanak pula menjadi tumpuan bagi projek *Kidleidoscope*. – Foto-foto SMU



usaha mengumpul sekurangnya 80 jam khidmat kemasyarakatan sebagai sebahagian daripada kewajipan sebelum menamatkan pengajian di universiti tersebut, yang dimulakan pada 2000.

Dua lagi projek lain – SMU ialah *Inspirar* yang dimulakan pada 2008 dan *Kidleidoscope* (2007) – turut dianjurkan universiti itu antara Jun dengan Julai lalu.

Menerusi *Inspirar*, pelajar berinteraksi secara aktif dengan warga senja bagi menggalak gaya hidup sihat dan penuaan yang aktif.

Lebih daripada 300 warga tua terlibat dalam lawatan pelajar itu.

Acara terakhir pada 30 Julai lalu melibatkan senaman mudah merengangkan otot dengan menggunakan tuala.

Presiden projek *Inspirar*, Encik Ong Bin Koon, 22 tahun, yang juga penuntut tahun kedua bidang perakaunan, berkata pengalaman yang dilalui beliau dan rakannya ternyata mendedahkan cabaran yang dilalui warga tua.

“Walaupun senaman mudah

menggunakan tuala, namun saya dapat melihat sesetengah mereka menghadapi kesukaran melakukannya apatah lagi mereka yang menghadapi pelbagai masalah kronik,” tegasnya.

Dalam *Kidleidoscope* pula, mahasiswa SMU memberi inspirasi kepada kanak-kanak daripada golongan memerlukan agar memenuhi impian mereka dan menanamkan keyakinan diri.

Sekitar 220 kanak-kanak daripada beberapa pertubuhan berjaya didekati.